

COPY OF CAMPAIGN MATERIALS (MARI TO REVIEW)
END OF MAY 2021

(A) OP-ED ON BANGSA MALAYSIA

OP-ED #1

COVID-19, RASUAH DAN KRISIS IKLIM DUNIA: TUNTUTAN USAHA BERSEPADU BANGSA MALAYSIA

oleh Faisal Abdul Aziz

Malapetaka Covid-19 yang melanda dunia hari ini memberi kesan besar kepada masyarakat dunia khususnya dalam sektor ekonomi apabila aktiviti perniagaan tidak dapat beroperasi seperti biasa. Mungkin kelewatan kita untuk beradaptasi dengan norma baharu sebagai salah satu punca, namun mahu tidak mahu, ia memerlukan satu tempoh panjang untuk memulihkan kemuncutan ekonomi untuk kembali seperti sedia kala.

Maka, tidak hairanlah mengapa ramai pihak terutama kerajaan yang memerintah yang hanya melihat pemulihan ekonomi dalam terjemahan literal yang harus diberikan penumpuan semata-mata tanpa melihat kepentingan agenda lain termasuk agenda untuk merubah sistem sedia ada untuk memastikan ketelusan sistem kerajaan dan agenda bersama menangani perubahan iklim.

Malah lebih memburukkan keadaan, terdapat negara-negara di dunia yang didakwa telah menyalahgunakan dana antarabangsa bagi tujuan menangani isu perubahan iklim ini bagi tujuan lain.

Di sini kita lihat bagaimana isu perubahan iklim sebagai contoh dikesampingkan dan tidak dilihat sebagai isu selari dalam perjuangan memerangi malapetaka Covid-19 dan kesan-kesan sampingannya.

Memetik laporan Transparency International – *Corruption and Climate Vulnerability – A Devasting Relationship*, menyatakan bagaimana petunjuk *Corruption Perceptions Index* telah mendedahkan negara yang paling mudah terkesan dengan perubahan iklim berada pada tahap yang tinggi melibatkan rasuah sektor awam.

Mengambil contoh Bangladesh, yang dianggap negara yang amat mudah terkesan dengan perubahan iklim, dalam anggaran 35% dana untuk projek perubahan iklim disalahguna berdasarkan laporan Transparency International Bangladesh, SOAS dan University of London.

Dalam menangani isu perubahan iklim, kewangan iklim atau *climate finance* adalah inisiatif global di bawah *Paris Agreement* yang mewajibkan negara-negara maju menyalurkan dana khas untuk negara membangun memerangi perubahan iklim.

Dalam erti kata lain, ia adalah langkah bersifat *intergovernmental* yang memupuk kerjasama antara negara untuk memerangi perubahan iklim. Maka, usaha menangani rasuah menerusi ketelusan sistem dan tatakelola yang baik adalah perkara yang amat dititikberatkan kerana ia ada perkaitan dengan ketelusan dan konsistensi pihak berkuasa mengurus dana khusus untuk menjamin kelestarian hidup generasi akan datang.

Maka, pakej rangsangan ekonomi harus bersifat meluas untuk menyokong dua usaha besar iaitu reformasi institusi bagi membanteras rasuah dan penyelewengan serta penambahbaikan inisiatif menangani isu alam bagi membuatkan agenda keadilan iklim.

Dalam konteks ini, adalah penting untuk kita melihat Greenness Stimulus Index (GSI) yang dikeluarkan *Finance for Biodiversity Initiatives – F4B* yang membuat penilaian bagaimana usaha kerajaan-kerajaan menangani Covid-19 khususnya dalam bidang ekonomi memberi sumbangan terhadap pembangunan lestari, memelihara biodiversiti serta memastikan wujudnya perlindungan ke atas perubahan iklim.

Dalam analisis yang dikeluarkan, dapatan menunjukkan pakej rangsangan yang diumumkan majoriti negara-negara di dunia hingga kini menunjukkan indikator ‘net negative’ terhadap kesan alam sekitar. Justeru dapatan menunjukkan majoriti besar dana diperuntukkan untuk ekonomi negara bersifat merosakkan kelestarian alam sekitar di masa hadapan, walaubagaimana laporan tersebut mengakui wujudnya petanda penambahbaikan.

Secara keseluruhan, laporan tersebut mencatatkan sejumlah US\$4.6 trilion dari keseluruhan US\$14.9 trillion pakej rangsangan yang diumumkan memberi sumbangan terhadap sektor-sektor berkaitan alam sekitar.

Dalam konteks Asia Tenggara, tiga negara disenaraikan untuk dianalisis iaitu Singapura, Indonesia dan Filipina. Singapura mencatatkan angka negatif bersih pakej ekonomi yang memberi sumbangan terhadap isu alam sekitar dan perubahan iklim berbanding Indonesia dan Filipina yang mempunyai inisiatif bercampur antara negatif dan positif namun, secara keseluruhan mencatatkan angka yang negatif.

Indikator ini seharusnya menjadi panduan buat negara-negara di Asia Tenggara termasuk negara yang tidak disenaraikan dalam kajian seperti Malaysia supaya sesuatu dapat dibuat dalam memastikan pakej ekonomi menangani Covid-19 mempunyai kesinambungan terhadap pembangunan lestari untuk generasi mendatang termasuk menjawab isu-isu darurat iklim yang dunia sedang hadapi.

Selain pakej ekonomi, usaha dan komitmen kerajaan terhadap inisiatif antarabangsa seperti sasaran *Carbon Neutrality 2050* di bawah *Paris Agreement* harus sentiasa disemak dan ditambah baik supaya kita sentiasa berada di landasan yang tepat dan tidak pula menangguhkan sasaran tersebut bila menjelang tempoh yang ditetapkan.

Maka, dalam konteks rakyat sesuatu harus dibuat terutama sebagai pendesak menggesa kerajaan serius menangani isu rasuah dan perubahan iklim, dan tidak hanya fokus kepada isu memulihkan sektor ekonomi yang difahami secara literal semata-mata.

Bagi merealisasikan usaha ini, langkah bersama tanpa mengira kaum atas paksi #BangsaMalaysia harus dipupuk untuk meratakan kesedaran ini dan bertindak sebagai agen semak dan imbang kepada dasar pemerintah bagi memastikan isu rasuah dan perubahan iklim diberi tempat sewajarnya untuk kelestarian generasi warga kita di masa mendatang.

*Faisal Abdul Aziz merupakan Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

OP-ED #2

COSMOPOLITAN ISLAM AND THE FORGING OF BANGSA MALAYSIA

Faisal Abdul Aziz

The beginning of 2021 marks the end of Vision 2020 - a utopian concept launched in 1991, which imagined all sorts of futures for our nation. Besides technological and economic advancement, one challenge was also mentioned in Vision 2020 - "Creating a united Malaysia with a shared goal".

Thirty years after the announcement, integration and national cohesion have yet to be fully addressed. Racial sentiments and mutual suspicion continue to create tensions that may explode at any time.

In 2021, we are called to dig deep and see what visions of stronger unity we might be able to offer Malaysians moving forward. In light of this, the Muslim Youth Movement of Malaysia (Abim) has put forth the idea of Cosmopolitan Islam as a key pillar in the forging of Bangsa Malaysia, which in turn can be the key pillar and concept in forging national unity. These ideas were discussed at length in the policy speech at Abim's 49th Annual General Assembly on Dec 26,2020.

Abim emphasised that it is important to address concerns about the concept of Bangsa Malaysia that have historically arisen, especially when seen through the political lens. On the one hand, some see Bangsa Malaysia as a tool of elite Malays to dilute the identity of other races while on the other, some fear that Bangsa Malaysia is similar to the concept of "Malaysian Malaysia" that is associated with efforts to dilute the identity of the majority race.

These problems arise when we see racial and ethnic identity through the wrong lens. The right way to understand identity is to see it as an inclusive, unifying factor rather than something that divides and separates.

In his book Identity & Violence, economist Amartya Sen reminds us to pay attention to multiple identities. Positive identity can be a source of pride and fulfilment as well as strength and confidence. Any individual can experience more motivation to succeed if she sees herself as being part of an ethnic group with a rich and successful history, and part of an ongoing tradition of growth and prestige.

However, identity can be extremely harmful if its negative sides are not managed. Amartya Sen recalled his childhood in the 1940s, where sentiment regarding identity changed very quickly. Diversity in India involving Muslims and Hindus that was positive in January changed to one where they were pitted against each other in intense, emotionally charged conflict by July of the same year. Hundreds of thousands were killed at the hands of those claiming to "represent others of the same identity".

Thus, as we wrestle with ethnoreligious identity, we must emphasise empowerment and not the kind of destructive extremism that kills diversity. The way to balance and moderate ethnoreligious identity is to embrace multiple identities. This is what Amartya Sen describes as "the power of competing identities", an acknowledgement of our ability to take on more identities than just ethnoreligious. Such identities include places of origin, professional identities, gender, social class, political leanings, eating habits, sports preferences, musical tastes and social causes.

Within the larger framework, we should see ourselves as having a national and civic identity, as is encapsulated in the concept of Bangsa Malaysia. A Bangsa Malaysia identity will inspire the confidence necessary for us to move together as one under a truly inclusive national banner.

While it must always be emphasised that working for ethnic and religious interests is part of a noble heritage that we must uphold, we cannot hold to these identities to the point of extremism that can divide communities, such as described by Amartya Sen.

This is why Abim understands Bangsa Malaysia as one of the "competing identities" that moderates ethnoreligious identity, and ensures that the latter never induces extremism. However, we must recognise the fact that in the present, we are still beset by social anxieties surrounding the question of competing identities, especially the charge that such competing identities can compromise the survival of ethnic identities.

A Bangsa Malaysia identity does not involve assimilation that dilutes our diverse cultures. Rather, it represents an opportunity to mould an integrated identity that is informed and inspired by the shared values and qualities of all the various ethnicities and cultures in our blessed nation.

The unifying values of Bangsa Malaysia should include a united front against poverty, corruption and conflict as well as a shared resolve to protect and raise the dignity of all Malaysians. These shared values are the bases of the middle road that will keep our nation from falling from either the pitfalls of assimilation on one hand or segregation and division on the other.

There needs to be an openness on the part of all communities to share their aspirations and together seek the foundations for Bangsa Malaysia. This openness has in fact been a key quality of the Malay people since the very founding of our civilisation, and has been a key driver in our societal evolution.

Prof Dr Syed Khairudin Al-Junied in his book Muslim Cosmopolitanism: Southeast Asian Islam In Comparative Perspective discusses the cosmopolitan features of Muslims with fresh substance driven by the Southeast Asian Muslim community.

“Muslim cosmopolitanism in Southeast Asia is a style of thought, a habit of seeing the world and a way of living that is rooted in the central tenet of Islam, which is that everyone is part of a common humanity accountable to God and that we are morally responsible towards one another. To embrace Muslim cosmopolitanism is to exhibit a high degree of receptiveness to universal values that are embedded within one’s own customs and tradition (adat). Internalizing Muslim cosmopolitanism enables a person to be at ease with his or her own Islamic cultural identities, promoting these identities as a means to enrich public understanding about Islam and Muslims while maintaining and embracing a tolerant attitude towards people of other backgrounds.”

The Asian Renaissance by Datuk Seri Anwar Ibrahim stressed how the method of spreading Islam in the region, which was full of uniqueness and creativity, succeeded in forming a Southeast Asian Muslim community with a cosmopolitan image that was void of resentment and hostility.

The emphasis on the cosmopolitan concept of Islam, which encapsulates the features of universality and openness, should spark a keen awareness on how the construction of civilisation is based on historical interactions and relationships.

In fact, the history of Islamic civilisation has acknowledged the fact that we learned mathematics and astronomy from the Indian civilisation, the science of logic from Greek civilisation and administrative organisation from Persian civilisation.

The Malacca Sultanate, for example, followed through with the greatness of the earlier empires and further strengthened the reputation of Southeast Asia as a maritime and global trade emporium. Even in those days, the prestige of Islam

had been greatly lifted as a cosmopolitan culture in Southeast Asia when commercial towns in the Malay world created a network of interactions to form a more powerful trade centre.

When Abim talks of openness and national unity, we see this as part of an effort to strengthen ethnic identity and dignity, not detract from it, as is often assumed. Being Malaysian does not make one any less Malay, Chinese, Indian, Iban or Kadazan.

We need to learn from our past and return to an era when society in this part of the world was known for being open and inclusive, and where the spirit of cosmopolitanism drove great civilisations.

By adopting this spirit of cosmopolitanism, we can inspire confidence among all ethnic groups to invest in national unity based on the shared values of Bangsa Malaysia. The opposite of this is to continue to yield to racist sentiments, inferiority complexes and a constant siege mentality that will block true empowerment of the ummah and the consensus we need to rebuild a great civilisation in this region.

Therefore, self aware and responsible social activists need to become "creative individuals" with a clear plan for reviving civilisation in the same way Muslims did in the past. Islam's image in human civilisation should be defined by a revival of a cultured and educated ummah.

May 2021 be the year in which we finally come together to build Bangsa Malaysia and realise the true potential of our beloved nation.

Faisal Abdul Aziz is currently the President of Muslim Youth Movement Malaysia (ABIM)

OP-ED #3

MEMBINA BANGSA MALAYSIA, MENGANGKAT MARUAH UMAT

Mohd Firdaus Bin Md Hamsin

Di mana Bangsa Malaysia Pada Tahun 2020?

Tahun 2020 dahulu pastinya amat kita nanti-nantikan lantaran ia adalah tarikh di mana Malaysia disasarkan untuk tampil sebagai sebuah negara maju dalam pelbagai bidang. Tahun 2020 juga adalah detik di mana semua persoalan keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, mutu hidup, nilai sosial dan kerohanian, maruah serta yang paling utama pembentukan bangsa Malaysia telah dirungkai.

Ironiknya Wawasan 2020 telah mendahuluikan usaha untuk menjayakan pembentukan bangsa sebagai matlamat utama yang perlu dicapai untuk meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara maju seperti berikut:

“Mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu, sejahtera, terintegrasi wilayah-wilayah dan kelompok-kelompok etniknya menikmati kehidupan bersama yang sepenuhnya berasaskan persamaan hak dan keadilan, membentuk sebuah bangsa Malaysia dengan rasa taat setia dan pengabdian yang tidak berbelah bagi terhadap bangsa tersebut”.

Pada satu saat dan ketika dahulu, ungkapan Bangsa Malaysia sering diutarakan berulang kali seumpama sebuah mantra sakral. Seakan-akan tidak lengkap membicarakan mengenai Wawasan 2020 tanpa diselitkan sekali dengan ungkapan Bangsa Malaysia.

Akan tetapi sesudah 28 tahun berlalu, konsep tersebut seakan sudah kehilangan saktinya seiring dengan lunturnya Wawasan 2020. Walaupun sering disebut berulang kali; namun masyarakat menilainya tidak lebih daripada sekadar retorika musim-musiman.

Wabak Politik Identiti

Tidak lama dahulu negara ini sedang meniti era “Malaysia Baharu”. Detik ini seharusnya menyaksikan anjakan penting dalam paradigma sosio-politik serta sosio-ekonomi tanah air. Ini termasuk ingin menyaksikan permainan politik perkauman oleh kelompok politisi berkepentingan yang sekian lama membayangi rakyat di negara ini akhirnya terhenti.

Akan tetapi eksplotasi isu perkauman tetap cuba dimainkan oleh sekelompok kecil pihak yang tidak bertanggungjawab sepanjang tempoh 22 bulan pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan. Corak permainan politik perkauman untuk menuai sokongan daripada kelompok serta etnik tertentu di negara ini. Keadaan telah menimbulkan keresahan baik dalam kalangan rakyat yang dpermainkan sebagai bidak percaturan politik pihak yang berkepentingan.

Keghairahan berpolitik menerusi jalur identiti tampak menjadi detik hitam yang mencemari aspirasi dan idealisme reformasi islahiy yang diperjuangkan selama ini. Tumpuan semasa era “Malaysia Baharu” yang amat dinanti-nantikan sebelum ini seharusnya perhatian serta segenap usaha ditumpukan secara kolektif untuk mengatasi permasalahan sosio-ekonomi merangkumi komuniti Melayu, Cina, India, serta etnik-etnik lain termasuk golongan bumiputera di Sabah serta Sarawak.

Bangsa Malaysia Menerusi Lensa Islam & Perlembagaan Persekutuan

Keterbukaan diperlukan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Keterbukaan ini memerlukan keberanian dan kesediaan kita untuk membincangkan perkara-perkara sensitif yang membabitkan asas-asas

kenegaraan kita. Setiap isu berkaitan dengan asas-asas kenegaraan perlu difahami dengan merujuk pada setiap perkara yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kedudukan Islam sebagai agama persekutuan contohnya, seharusnya mengingatkan kita, Islam meletakkan suatu dasar dan panduan Syariat yang terbaik untuk umatnya. Antara maslahat utamanya ialah demi menjaga keselamatan dan kemaslahatan umat Islam dan manusia seluruhnya melalui persaudaraan dan kasih sayang. Haruslah diingat bahawa untuk hidup dalam keadaan harmoni, ia menuntut warganya saling kenal-mengenali, meraikan perbezaan pendapat dan mengelakkan sentimen perkauman yang boleh membawa kepada perpecahan.

Peranan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta ejen pemersatu masyarakat tidak boleh dikesampingkan. Justeru, peranan serta usaha memartabatkannya perlu dipergiat serta diperluas bagi mencapai tujuan murni tersebut. Bahasa itu bukan sekadar alat komunikasi, tetapi wahana pengikat sosial, merentas tembok kaum, geografi dan status penduduk.

Kehadirannya sebagai bahasa kesatuan dan pemersatu sudah berumur lebih tua daripada negara Malaysia itu sendiri. Tanpa perlu mengesampingkan keperluan menguasai bahasa lain, jika seluruh rakyat Malaysia mendaulatkan bahasa kebangsaan, akan terzahirlah citra dan keperibadian kita sebagai bangsa Malaysia.

Kedudukan istimewa orang Melayu seperti yang diutarakan dalam perkara 153 Perlembagaan Persekutuan tidak seharusnya menjadikan kita sebagai kelompok eksklusif yang rasis terhadap orang lain. Kedudukan tersebut seharusnya menyedarkan kita bahawa Islam telah mendidik kita untuk menghormati orang lain dengan menjadi bangsa bermaruah.

Islam mendidik kita untuk bangkit menjadi bangsa bermaruah yang sanggup merobah diri dan memiliki daya juang dan kompetensi yang sangat tinggi. Dengan semangat zaman di mana pelbagai ruang telah terbuka menerusi media sosial, umat Islam tidak perlu menghina, meremeh, memperlekeh, mengaibkan ataupun menjatuhkan maruah orang ataupun kaum lain untuk menonjolkan kekuatan diri. Islam telah membimbing kita dengan akhlak, moral serta etika yang tinggi dan menolak *gutter politics* sebagai asas kepada pemerintahan manusawi dengan kefahaman mendalam terhadap konsep ihsan.

Dalam buku *Islam and Good Governance: A Philosophy of Ihsan*, Prof Dr Muqtedar Khan (2018) telah menyarankan penghayatan ihsan tidaklah hanya terhad di peringkat individu seperti kefahaman kebiasaan antara seseorang individu dengan Allah. Tetapi penghayatan konsep ihsan berlaku secara kolektif meliputi pelbagai peringkat kehidupan termasuk dalam aspek tata kelola serta urus tadbir politik dan ekonomi, yang merupakan dua elemen asas yang memayungi kesejahteraan rakyat. Bahkan menerusi ajaran Islam, umatnya

dipandu dengan penghayatan terhadap konsep karamah *insaniah* (kemuliaan insan) ataupun *human dignity*, seharusnya menerajui pembentukan bangsa Malaysia yang bebas daripada kebobrokan amarah perkauman dan chauvinistik yang sempit!

Syeikh Yusuf Al-Makassari dan Perjuangan Anti-Apartheid

Walaupun hidup dalam buangan, keadaan tersebut tidak mematahkan semangat Syeikh Yusuf Al-Banteni Al-Makassari untuk meneruskan perjuangan dakwahnya di Zandvleit, Cape Town, Afrika Selatan. Risalah dakwah yang telah beliau usahakan telah membangkitkan kesedaran dalam kalangan masyarakat tempatan.

Bahkan ada kajian serta penulisan yang mengatakan bahawa perjuangan Syeikh Yusuf Al-Banteni Al-Makassari telah menjadi salah satu sumber inspirasi utama kepada negarawan ulung negara tersebut, Nelson Mandela, bagi melawan penindasan kolonial dan melancarkan gerakan antiApartheid. Syeikh Yusuf Al-Makassari telah diangkat sebagai tokoh nasional di Afrika Selatan. Bahkan legasinya juga diabadikan sehingga kini di negara tersebut.

Perjuangan Syeikh Yusuf adalah antara catatan penting sumbangan Islam untuk melawan politik yang bersentimenkan kebencian serta berdasarkan penindasan yang merendahkan karamah *insaniah* manusia lain. Perjuangan-perjuangan ini tidak semestinya mencapai kemuncaknya dengan pertumpahan darah. Teladan daripada tokoh-tokoh seperti Syeikh Yusuf Al-Makassari, serta Al-Malik Shabaaz (Malcolm X) layak ditempatkan sebagai detik penting yang merubah peradaban manusia.

Sempena sambutan Hari Keamanan Sejagat (*International Day of Peace*) pada 2013, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengangkat tema “*Education for Peace*”. Menurut Setiausaha Agung PBB ketika itu, Ban Ki-Moon, konsep “*Education for Peace*”, membawa maksud; pendidikan harus berperanan memupuk rasa saling hormatmenghormati di antara satu sama lain dan menggalakkan pembentukan masyarakat sejagat yang adil, inklusif dan damai.

Tema “*Education for Peace*” merupakan sebahagian daripada wacana mengenai *Peace Education* atau Pendidikan Damai yang berlaku untuk tempoh kebelakangan seperti itu. Konsep damai tidak seharusnya ditanggapi sebagai sebuah kelemahan. Sebaliknya damai mempunyai kekuatannya yang tersendiri khususnya dalam aspek pendidikan untuk merubah tamadun manusia seperti yang diungkap oleh Dato’ Dr Siddiq Fadzil semasa mengupas konsep Pendidikan Damai:

“Pendidikan Damai tidak hanya menyangkut moral individu, tetapi lebih daripada itu terkait erat dengan tantangan politiksosial yang komited kepada penegakan hak asasi manusia. Justeru, tidak akan ada kedamaian di tengah keleluasaan pencabulan terhadap hak asasi manusia. Demikian juga dengan

keadilan sosial yang memang menjadi pra syarat kedamaian bila-bila dan di mana-mana pun. Kerana itu, Pendidikan Damai harus meliputi pendidikan tentang tonggak-tonggak utama tatanan hidup kemanusiaan yang beradab, termasuk hak asasi, demokrasi, keadilan sosial, persamaan dan kebebasan. Pendidikan Damai dapat dijayakan dengan mengangkat nilai-nilai akhlak mulia yang memang menjadi maqasid utama agama Islam.”

Beliau juga menegaskan menerusi syarahan “Membina Kesatuan Bangsa: Kerukunan Hidup Bersama Dalam Budaya Damai”, Pendidikan Damai ini amat penting untuk mendidik masyarakat, kaedah serta kemahiran untuk menyelesaikan sesebuah konflik secara aman.

ABIM Dan Agenda Bangsa Malaysia

Realiti sosio-politik yang didepani amat menyesakkan. Di sebalik realiti yang berlaku, seluruh warga ABIM perlu meneruskan peranan gerakan Islam ini yang menekuni fenomena kemajmukan semenjak awal penubuhannya. Pengajuran Seminar Pembinaan Bangsa Malaysia pada 26 Oktober 2019 lalu telah mengukuhkan iltizam gerakan untuk meneruskan keseinambungan Pengisytiharan 24 Syaaban 1398H pada 30 Julai 1978, dan di samping pembentangan ucapan dasar bersejarah, “*Islam: Penyelesaian kepada Masyarakat Majmuk*” sempena Muktamar Sanawi kali ke-8 pada 1979.

Antara sisi menarik dalam wacana fenomena kebangkitan Islam pada awal 1970-an yang diterajui ABIM ialah bagaimana ia turut merangsang perkembangan kegiatan interaksi antara agama sepetimana yang diabadikan oleh Prof Emeritus Datuk. Dr. Osman Bakar:

“....ABIM was a pioneer in conducting inter-religious dialogue between Islam and other religions, particularly Christianity, Buddhism, and Hinduism. Building on the new atmosphere of dialogue generated by the National Consultative Council and aided by other like-minded NGOs, particularly, Christianity, Buddhism and Hinduism. Building on the new atmosphere of dialogue generated by the National Consultative Council, and aided by other like-minded NGOs, particularly ALIRAN, ABIM helped interreligious dialogue to take root in Malaysian soil”. Sumber:- An Intercultural dialogue from within Muslim communities: a global review, Agree To Differ, United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), 2015.

Latar belakang negara Malaysia sebagai sebuah negara majmuk masih lagi diperkatakan sehingga kini. Perbincangan ini mencapah kepada perlu persoalan mengenai pembinaan negara bangsa. Dengan latar belakang kemajmukan negara ini yang sangat unik, persoalan mengenai pembinaan bangsa Malaysia perlu dirungkai secara mendalam untuk dijadikan sebagai gagasan rujukan.

Sepanjang dekad-dekad berikutnya, ABIM telah mewacanakan perkara-perkara pokok yang membayangi pembentukan Bangsa Malaysia sebelum ini.

Antaranya ialah kedudukan dan peranan masyarakat bukan Islam yang diutarakan menerusi penerbitan Fiqh Kenegaraan (karya Yusuf Al-Qaradhawi) di samping mengetengahkan konsep muwatinnun (kewarganegaraan).

Seiring dengan wacana ini juga ABIM terlibat secara aktif menjayakan pelbagai bentuk aktivisme dalam kalangan masyarakat untuk menyemai asas-asas perpaduan di akar umbi. Antaranya menerusi inisiatif Friendship Group of Inter-Faith Services (FGIS) yang turut merangkumi khidmat kemasyarakatan, latihan serta pendidikan, di samping program kesenian dan kebudayaan.

Sejarah tercipta pada akhir tahun 2019, ABIM telah sama-sama menjayakan Kem Muhibbah yang mengumpulkan generasi muda daripada pelbagai kaum untuk sama-sama berinteraksi sesama mereka. Penganjuran Kem Muhibbah adalah satu langkah ke hadapan yang cuba dimulakan ABIM sebagai anjakan baru dalam wacana Bangsa Malaysia.

Di tengah-tengah seruan perkauman sempit yang semakin kuat dikumandangkan pihak tertentu, maka sewajar gerakan ini meletakkan pembentukan Bangsa Malaysia sebagai salah satu agendanya untuk mencorak kebangkitan Islam Jilid Dua. Analisa akademik serta catatan sejarah menunjukkan agenda ini merupakan sebahagian daripada kepeloporan penting yang digerakkan ABIM selama ini. Merealisasikan agenda ini tidak mudah taktala bara perkauman selalu disemarakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga ia seakan menjadi api yang sukar dipadamkan. Namun politik berdasarkan fragmentasi identiti serta perkauman tertentu mampu melemahkan sebarang potensi yang ada ke arah pembinaan Bangsa Malaysia. Justeru ia perlu diletakkan sebagai maslahah utama dalam agenda dakwah ABIM.

Dalam memimpin bangsa Malaysia selepas ini serta masa akan datang, kita perlu menekankan bahawa kesetiaan setiap rakyat dan warga negara tanah air ini haruslah dibuktikan bukan hanya dengan kata-kata. Kesetiaan ini juga perlu dikotakan dengan tindakan dan curahan pengorbanan dan partiotisme terhadap negara berdaulat ini.

Masyarakat juga perlu dididik untuk sama-sama menghormati sensitiviti dalam kalangan kita serta sama-sama menghentikan tindakan dan aksi provokasi yang boleh menyakiti sahabat sewarganegara kita.

Khatimah

Sebagai khatimah: garapan gagasan Bangsa Malaysia yang diutarakan oleh tokoh sarjana Dato' Dr Siddiq Fadzil menerusi syarahan "Pembinaan Bangsa: Kepelbagaian Dalam Bingkai Kesatuan" pada tahun 2016 yang lalu wajar kita cermati untuk menangkap hikmahnya. Beliau telah memperincikan gagasan Bangsa Malaysia seperti berikut:

“Pembinaan bangsa Malaysia harus berasaskan nilai-nilai yang disepakati bersama, tanpa melebur identiti umat Islam, tanpa membunuh rasa cinta dan solidariti (ukuhwwah Islamiyyah) sesama umat, dan tidak usah sampai mengikis rasa tanggungjawab membela nasib warga seagama. Seseorang yang bersemangat dan beridentiti keMalaysiaan tidak seharusnya diertikan sebagai individu Malaysian yang sudah tidak punya sebarang komitmen lagi terhadap agamanya, umatnya dan budaya warisannya sendiri”.

Penulis adalah Ketua Penerangan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

OP-ED #4

KOSMOPOLITAN ISLAM & TERAS PEMBINAAN BANGSA MALAYSIA

Muhammad Faisal Abdul Aziz

WAWASAN 2020

Memasuki tahun 2021, ia menandakan berakhirnya Wawasan 2020; satu wawasan yang digagaskan pada 28 Februari 1991, yang telah “diutopiakan” dengan pelbagai dendangan imaginasi bangsa dan negara yang bakal disarung oleh rakyat. Selain kepesatan teknologi dan kemakmuran ekonomi, turut diselitkan salah satu cabaran dalam Wawasan 2020 – “Mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat dikongsi bersama”.

Mengakhiri tahun 2020, kira-kira selepas 30 tahun ia diasaskan, cabaran yang dikemukakan menyentuh soal integrasi dan kohesi nasional masih belum dirungkai sebaiknya. Sentimen kaum yang menebal, prasangka antara satu sama lain sentiasa menjadi bibit kepada bebola permasalahan yang boleh tercetus pada bila-bila masa.

Tahun 2021, pastinya menuntut kita untuk mencambahkan lagi usaha dan gagasan untuk disajikan kepada rakyat Malaysia untuk membina perpaduan yang lebih utuh. Lebih-lebih lagi pertubuhan belia, yang pasti mempunyai tanggungjawab besar dalam membentuk naratif yang murni untuk generasi muda.

GAGASAN KOSMOPOLITAN ISLAM

Menyedari hakikat tersebut, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) menggagaskan satu jalan tuntas atas tema Kosmopolitan Islam sebagai asas kepada pembinaan Bangsa Malaysia yang menjadi nadi kepada penyatuan bangsa. Gagasan ini telah dibentangkan menerusi Ucapan Dasar bersempena Perhimpunan Agung Tahunan atau Muktamar Sanawi ABIM Kali ke-49 pada 26 Disember 2020 yang lalu.

Di sini ABIM menegaskan bahawa kekhawatiran yang perlu dirungkaikan dahulu adalah berkenaan dengan gagasan Bangsa Malaysia yang sering

disalahtanggapi lebih-lebih lagi bilamana ia dilihat dalam neraca politik. Ada yang berpandangan ia seolah idea pemimpin elit Melayu sebagai medium mencairkan identiti kaum lain, tidak kurang ada yang menyatakan ia sebagai mirip "Malaysian Malaysia" yang dikaitkan dengan usaha menjunamkan 'survival' bangsa majoriti.

Kekalutan sisi pandang ini berpunca dari kesilapan kita melihat identiti kaum menerusi kanta yang tepat yang seharusnya membangunkan keutuhan perpaduan dan bukan merosakkan kesepakatan bangsa yang pelbagai. Di sini penting untuk dicermati buku Identity & Violence, di mana Amartya Sen mengingatkan kita untuk mewaspadai kepelbagaian identiti. Menerusi identiti dari sisi positif ia berupaya untuk menjadi sumber kebanggaan dan kegembiraan serta kekuatan dan keyakinan.

Namun, identiti boleh membunuh apabila sisi negatifnya tidak dibendung. Amartya Sen mengenang kembali zaman kanak-kanaknya sekitar tahun 1940-an bagaimana perubahan sentimen berlaku dengan begitu pantas atas nama identiti.

Kepelbagaian identiti di India khususnya melibatkan Muslim dan Hindu yang dihargai dari neraca kepelbagaian sekitar Januari, telah terubah sekelix mata kepada India yang digambarkan mempunyai komposisi Hindu yang kejam dan Muslim yang bengis pada Julai tahun yang sama. Lantaran, ratusan ribu telah dibunuh di tangan mereka yang mendakwa melakukan kerja tersebut "mewakili orang lain dari identiti yang sama".

Justeru, dalam memberi fokus kepada identiti agama-bangsa, ia harus berkisar kepada sesuatu yang memberi pemberdayaan dan bukan ke sudut ekstrem hingga merosakkan dan membunuh kepelbagaian. Bagi menyeimbang penggunaan identiti kaum dan agama, masyarakat harus turut menggarap kepelbagaian identiti lain. Ini yang cuba dinukilkkan oleh Amartya Sen sebagai "the power of competing identities".

Ia membawa kepada sarwa pandang bagaimana masyarakat berupaya untuk mencerminkan dirinya sebagai satu identiti yang lebih luas merentas agama dan kaum. Ini termasuklah identiti asal usul kelahiran, profesion pekerjaan, jantina, kelas masyarakat, fahaman politik, tabiat pemakanan, kecenderungan bidang sukan, kesukaan sesuatu muzik serta komitmen dalam bidang program kemasyarakatan.

Dalam rangka yang lebih besar, kita harus turut melihat diri kita sebagai sebuah identiti yang berlandaskan negara dan kewarganegaraan seperti identiti Bangsa Malaysia yang mampu meraih keyakinan untuk bersama bergerak ke hadapan atas panji negara.

BANGSA MALAYSIA SEBAGAI COMPETING IDENTITIES

Namun, perlu sentiasa dipertegaskan, kita sentiasa mendukung agenda mengangkat identiti agama dan bangsa sebagai suatu anugerah yang wajib dipertahankan, namun kita tidak harus keterlaluan berpegang kepada identiti tersebut hingga membawa kepada watak ekstrim yang memecahkan anggota masyarakat seperti yang dinukil Amartya Sen.

Oleh yang demikian, atas faktor itu, ABIM menanggapi identiti Bangsa Malaysia sebagai salah satu ‘competing identities’ untuk menyederhanakan identiti agama dan kaum supaya tidak terjerumus ke kancah yang melampaui batas. Maka, bila bicara soal identiti Bangsa Malaysia ia bukan satu proses asimilasi yang mencairkan kebudayaan sesuatu bangsa tetapi integrasi untuk kita bersama membentuk watak-watak yang punyai ciri kebersamaan semua bangsa yang mendiami negara bertuah ini.

Watak dan nilai penyatuan atas nama Bangsa Malaysia yang harus disepakati antaranya termasuklah kebersamaan memusuhi kemiskinan, rasuah dan permusuhan serta mengangkat masyarakat menjadi satu bangsa yang bermaruah. Pembentukan ciri dan watak bersama ini atas nama integrasi adalah satu jalan tengah yang akan mengelakkan masyarakat dari jatuh ke gaung asimilasi mahupun terjerumus ke kancah segregasi perpecahan. Maka, di sini perlu ada watak keterbukaan semua bangsa untuk berkongsi aspirasi yang sama demi menuntaskan penjelmaan konsep Bangsa Malaysia.

Watak keterbukaan sebenarnya adalah satu watak yang menjadi citra umat Melayu sewaktu era awal pembinaan masyarakat bertamadun dan seterusnya menjadi pemangkin kepada pembinaan peradaban.

Prof Dr Syed Khairudin Al-Junied dalam karyanya Muslim Cosmopolitanism: Southeast Asian Islam In Comparative Perspective membahaskan ciri kosmopolitan Muslim di Asia Tenggara dengan butiran yang segar yang dipacu oleh komuniti Muslim Asia Tenggara:

“Muslim cosmopolitanism in Southeast Asia is a style of thought, a habit of seeing the world and a way of living that is rooted in the central tenet of Islam, which is that everyone is part of a common humanity accountable to God and that we are morally responsible towards one another. To embrace Muslim cosmopolitanism is to exhibit a high degree of receptiveness to universal values that are embedded within one’s own customs and tradition (adat). Internalizing Muslim cosmopolitanism enables a person to be at ease with his or her own Islamic cultural identities, promoting these identities as a means to enrich public understanding about Islam and Muslims while maintaining and embracing a tolerant attitude towards people of other backgrounds.”

Ini termasuklah yang ditegaskan Anwar Ibrahim dalam “Gelombang Kebangkitan Asia” bagaimana kaedah penyebaran Islam di rantau ini yang penuh keunikan dan rekayasa kreativiti berjaya membentuk sebuah komuniti Muslim Asia Tenggara dengan citra kosmopolitan yang jauh dari bibit dendam dan kesumat permusuhan.

Penekanan kepada konsep kosmopolitan Islam yang menyarung ciri kesejagatan dan keterbukaan ini seharusnya merakamkan satu kesedaran yang lebih bermakna bagaimana pembinaan ketamadunan itu berasaskan kepada interaksi sejarah dan perhubungan antara peradaban dunia sejagat. Malah, sejarah tamadun Islam telah mengakui bahawa kita belajar dari Tamadun India dalam bidang matematik & falak, Tamadun Greek berkaitan ilmu logik, dan Tamadun Parsi berhubung organisasi pentadbiran.

Empayar Melayu Melaka sebagai contoh telah muncul akibat dari interaksi bersama kegemilangan di sekelilingnya dan yang mendahuluinya. Hasil interaksi dan keterbukaan ini telah memangkinkan lagi jolokan Asia Tenggara sebagai empayar maritim dan emporium perdagangan global “thalassocracy”.

Malah pada zaman itu, prestij Islam telah diangkat sebagai alat budaya kosmopolitan yang sangat tinggi di Asia Tenggara apabila kota-kota komersil di alam Melayu telah mewujudkan satu jalinan interaksi untuk membentuk satu pusat perdagangan yang lebih berdaya.

Tidak ketinggalan, citra kosmopolitan turut diambil oleh umat Islam di rantau lain yang akhirnya dapat merancakkan penyebaran Islam ke pelusuk dunia. Mashall Hodgson mengupas kosmopolitan Islam ini sebagai satu proses menyemarak penyebaran Islam ke pelusuk dunia.

Menurut beliau, Islam timbul di Zon Kering Tengah dan mengambil bentuk kosmopolitan aneh yang memberikan agama ini kekuatan luar biasa terutamanya di sepanjang jalan perdagangan dan daerah baharu. Lantas, Islam cepat tersebar ke Eurasia Tengah dan Afrika, dan sampai ke Benggala, Yunan, Albania, Keralam (barat daya India) dan Malaysia kerana kawasan komersil ini bergantung pada pusat kosmopolitan.

Lebih utama, penyebaran budaya bandar seterusnya membawa kepada peradaban menerusi pembentukan Islam kosmopolitan ini telah memangkinkan lagi perdagangan di jalan laut yang berjarak jauh. Maka, satu rangkaian lautan besar membentuk jalan perdagangan jarak jauh telah dikomersilkan yang diberi jolokan “Laut Tujuh” yang meliputi Laut China Timur dari Jepun ke Selatan, Laut China Selatan hingga ke Selat Melaka, Teluk Benggala, Laut Arab, Laut Merah, Laut Mediterranean dan Laut Timur-laut Atlantik ke utara hingga ke Britain.

CITRA UMAT KOSMOPOLITAN

Di sini ABIM senantiasa tegaskan bahawa bilamana kita bicara soal keterbukaan dan kesejagatan bangsa ia adalah sesuatu pendekatan yang bersifat untuk menjayakan bukan sebaliknya yang sering disalah tanggapi seperti mengancam identiti kaum.

Lebih utama, ciri-ciri umat kosmopolitan yang ditegaskan tidak bermakna mereka mengorbankan prinsip-prinsip dan ajaran dasar agama semata-mata melayani ragam zaman dengan mengorbankan ajaran pokok Islam.

Atas kesedaran ini, umat rantau ini harus mengangkat kembali citra masyarakat sederhana yang terbuka, inklusif dan sejagat yang dirangkum sebagai umat kosmopolitan yang melonjakkan pembinaan tamadun lampau.

Menerusi pengembalian semula citra umat kosmopolitan ini, ia berupaya untuk menambahkan lagi keyakinan bangsa untuk memasakkan nilai perpaduan bersama kaum lain yang berdiri atas paksi nilai Bangsa Malaysia.

Sebaliknya, tohmahan yang bersifat emosi atas sandaran sentimen sempit seperti penanaman rasa takut bangsa – inferiority complex serta ancaman survival bangsa akan merencatkan pemberdayaan dan keyakinan umat untuk bangkit membina kesepakatan dan seterusnya membangun semula sebuah peradaban yang hebat di rantau ini.

Oleh yang demikian, bagi para penggerak masyarakat yang punya kesedaran harus merangka strategi untuk berusaha menjadi ‘creative individuals’ yang secara serius merangka gerak kerja ke arah pembangunan masyarakat yang lebih baik. Citra Islam dalam peradaban manusia wajar ditampilkan dengan pengembalian imej kaum Muslimin sebagai umat berbudaya dan beradab, melalui kerangka peradaban yang semakin malap iaitu ‘kosmopolitan Islam’

Penulis adalah Presiden, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)

(B) ANTI-CORRUPTION CAMPAIGN MATERIALS



(C) DRAFT #1 BANGSA MALAYSIA REVIEW

Please refer to another pdf format document
entitled "Bangsa Malaysia Review #1"

